

CNS6528

U PB 01-02 00184 BA174

aab

Mahathir - Jeffrey

JEFFREY BOLEH DITERIMA JIKA AKUR PRINSIP BN

KOTA KINABALU, 1 Feb (Bernama) -- Barisan Nasional (BN) boleh menerima kepimpinan bekas tahanan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) Datuk Dr Jeffrey Kitingan jika beliau akur kepada prinsip perjuangan BN, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Ini bukan soal personaliti (Jeffrey) tetapi soal pendiriannya," kata Perdana Menteri.

Jika Dr Jeffrey mahu memperbaiki hubungan antara Kuala Lumpur dan Sabah, beliau mestilah akur kepada prinsip BN, katanya semasa ditanya pemberita sama ada BN boleh menerima Dr Jeffrey, yang juga adik kepada Ketua Menteri Sabah Datuk Joseph Pairin Kitingan, pada persidangan akhbar mengakhiri lawatan dua harinya ke Sabah.

Dr Mahathir berkata beliau ingin tahu pendirian Dr Jeffrey selepas dibebaskan daripada tahanan ISA.

Dr Jeffrey yang juga Pengarah Yayasan Sabah ditahan di bawah ISA pada 13 Mei 1991 atas dakwaan cuba membawa keluar Sabah daripada Malaysia. Beliau dibebaskan pada 22 Dis lepas dan diletakkan di bawah perintah kediaman terhad di Seremban sebelum dibebaskan tanpa syarat dan kembali ke Sabah pada 20 Jan. -- lagi

▼01/02/16-01MST

CNS6531

U PB 01-02 00144 BA175

aab

Mahathir - Jeffrey 2 Kota Kinabalu

Dr Mahathir berkata beliau menemui Dr Jeffrey lama sebelum Pairin mengumumkan pembubaran Dewan Undangan Negeri Sabah pada 10 Jan lepas.

Tetapi, katanya, beliau tidak menemui Jeffrey semasa beliau di bawah tahanan kerana dasar kerajaan tidak membenarkannya berbuat demikian.

"Saya mengenalinya sejak lama dulu dan kami tidak ada perselisihan tahun sebelum ini. Malah saya rasa saya bantunya sedikit sebanyak. Jadi saya ingin tahu bagaimanakah beliau sekarang," katanya.

Dr Mahathir berkata beliau cuma berbual dengannya sahaja dan selepas itu apa yang dilakukan Dr Jeffrey adalah perihalnya sendiri.

"Apa yang dia nak buat dia punya hal. Kalau dia kata dia sayang dengan Sabah seperti dia kata, dia akan buat keputusan yang betul. Tapi kalau dia fikir tentang keluarga atau apa-apa, mungkin keputusan dia tidak baik," kata Dr Mahathir. -- lagi

▼01/02/16-01MST

CNS6532

U PB 01-02 00139 BA176

aab

Mahathir - Jeffrey 3 Kota Kinabalu

Dr Mahathir berkata Dr Jeffrey sekarang-kurangnya lebih memahami pendirian kerajaan persekutuan terhadap Sabah dan soal Malaysia.

"Dia lebih faham (sekarang). Sama ada dia setuju atau tidak itu soal lain. Saya bukan memintanya bersetuju atau tidak. Cuma dia mesti faham apa yang kita buat.

"Dulu dia nampak kerajaan (persekutuan) dari jauh dan anggapnya salah. Tapi sekarang, dia dapat lihat dengan cukup dekat," katanya.

Pengerusi BN itu juga berkata peluang Parti Bersatu Sabah (PBS) diterima semula dalam BN adalah lebih baik sekiranya kepimpinan parti itu diganti.

"Ia lebih mungkin. Saya tidak berbalah dengan orang Kadazan atau orang Sabah. Yang menjadi masalah ialah kepimpinannya.

"(Pemimpin) yang ada sekarang adalah orang yang tidak layak jadi pemimpin... seorang yang didapati bersalah melakukan rasuah," katanya. --  
lagi

▼01/02/16-06MST

CNS6558

U PB 01-02 00219 BA181

aab

Mahathir - Jeffrey 4 (akhir) Kota Kinabalu

Ditanya sama ada pintu BN masih tutup kepada PBS, Dr Mahathir berkata BN tidak pernah menutup pintu kepada PBS cuma sukar sedikit untuk menerimanya.

Mengenai Redudukan Pairin, beliau berkata Ketua Menteri itu seharusnya meminta maaf kepada rakyat Sabah dan berhenti daripada politik kerana didapati bersalah melakukan rasuah oleh Mahkamah Tinggi.

"Ia bukan soal dia boleh jadi Ketua Menteri atau tidak tetapi dia tidak boleh memimpin. Dia sepatutnya minta maaf kepada rakyat Sabah dan berhenti daripada politik tidak kira apa keputusan mahkamah.

"Ini bukan politik... ia soal jenayah biasa," katanya.

Ketika ditanya sama ada Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Bernard Dompok ada menemuinya, Perdana Menteri berkata Dompok tidak menemuinya, tetapi beliau dapat tahu banyak kaum Kadazan mahu keluar daripada PBS.

Dr Mahathir enggan mengulas khabar-khabar angin kononnya bekas Menteri Hal Ehwal Sabah Tun Datu Mustapha Datu Harun mahu bertanding di kawasan Sulabayan bagi mencabar Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah Tan Sri Sakaran Dandai.

Katanya, beliau menghormati Mustapha sebagai seorang yang banyak berjasa kepada Sabah dan disanjung oleh rakyat negeri ini tetapi mungkin ada usaha-usaha untuk memperlaktkan dia (Mustapha).

Bagaimanapun katanya, terpulang kepada Mustapha sendiri untuk membuat keputusan sama ada mahu bertanding atau tidak. -- Bernama

HOK OPP 7AA 51A